



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj.Kami : ANM/KD/OPS/126 Jld.9 (41)
Tarikh : 25 Ogos 2022

PERINGATAN 1

**Semua Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI DEPOSIT BAGI BULAN
JULAI 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 4 Tahun 2019 telah menggariskan dengan jelas **peraturan dan tanggungjawab PTJ** mengenai **tatacara pengurusan akaun deposit Kerajaan Persekutuan** bagi memastikan pengurusan akaun deposit kerajaan diperakaunkan dengan betul dan tepat mengikut tempoh masa yang ditetapkan. **Garis Panduan Pengurusan Akaun Deposit Terimaan** adalah seperti pada **Lampiran A, SPANM Bil. 4 Tahun 2019**.
- Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati Jabatan/PTJ YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Deposit bagi bulan **Julai 2022** kepada JANM Negeri Kedah untuk semakan. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya pada 14 hari bulan pada bulan berikutnya**.
- Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai di Unit Akaun **Puan Hanida Bt Abdul Hajat** di talian **04-7001000 (samb.187)**.
- Kerjasama dan tindakan segera daripda pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/ Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(ARSHAD BIN ABDUL RAHMAN C.A.(M))
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah Darul Aman